



29 Disember 2016
29 December 2016
P.U. (A) 379

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH HAKMILIK STRATA
(PINDAAN JADUAL DAN BORANG) 2016

*STRATA TITLES
(AMENDMENT OF SCHEDULE AND FORMS) ORDER 2016*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

PERINTAH HAKMILIK STRATA (PINDAAN JADUAL DAN BORANG) 2016

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 4B(4) dan seksyen 84 Akta Hakmilik Strata 1985 [*Akta 318*], Menteri, dengan kelulusan Majlis Tanah Negara, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Hakmilik Strata (Pindaan Jadual dan Borang) 2016**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2017.

Pindaan Jadual Keenam

2. Akta Hakmilik Strata 1985 [*Akta 318*], yang disebut “Akta ibu” dalam Perintah ini, dipinda dalam Jadual Keenam—

(a) dalam tajuk, dengan menggantikan perkataan “SISTEM HAKMILIK STRATA ELEKTRONIK” dengan perkataan “SISTEM PENTADBIRAN TANAH ELEKTRONIK BAGI HAKMILIK STRATA”;

(b) dalam perenggan 1, dengan memasukkan selepas takrif “dokumen rekod daftar strata berkomputer sedia ada” takrif yang berikut:

‘ “dokumen rekod daftar strata sedia ada” ertinya apa-apa rekod daftar strata yang mengandungi dokumen indeks daftar strata sedia ada, dokumen penyata daftar strata, salinan pelan strata yang diperakui dan tiap-tiap dokumen hakmilik daftar strata yang bersepadan dengan setiap petak dan, jika ada, blok sementara yang didaftarkan sebelum atau selepas permulaan kuat kuasa Sistem Pentadbiran Tanah Elektronik bagi Hakmilik Strata;’

(c) dengan menggantikan perenggan 3 dengan perenggan yang berikut:

“Cara membuat catatan atas dokumen hakmilik di bawah Sistem Pentadbiran Tanah Elektronik bagi Hakmilik Strata

3. Bagi maksud Akta ini, apabila suatu catatan dikehendaki untuk dibuat atas dokumen hakmilik berkomputer, Pendaftar hendaklah—

- (a) membuat catatan tersebut;
- (b) menyediakan suatu dokumen hakmilik berkomputer yang baharu;
- (c) membatalkan dokumen hakmilik cetakan komputer versi terdahulu;
- (d) menangkap imej dokumen hakmilik cetakan komputer versi terdahulu yang telah dibatalkan untuk disimpan secara maya dalam pangkalan data tanah; dan
- (e) memusnahkan dokumen hakmilik cetakan komputer versi terdahulu itu.”;

(d) dalam perenggan 7—

(i) dalam subperenggan (1)—

(A) dengan menggantikan perkataan “sistem hakmilik strata elektronik” dengan perkataan “Sistem Pentadbiran Tanah Elektronik bagi Hakmilik Strata”; dan

(B) dengan menggantikan perkataan “dokumen rekod daftar strata berkomputer” dengan perkataan “dokumen rekod daftar strata”;

(ii) dalam subperenggan (4)—

- (A) dengan menggantikan perkataan “dokumen hakmilik yang sedia ada” dengan perkataan “dokumen rekod daftar strata sedia ada”; dan
 - (B) dengan menggantikan perkataan “dokumen hakmilik cetakan komputer” dengan perkataan “daftar strata berkomputer”;
- (iii) dalam subperenggan (6)—
- (A) dengan menggantikan subsubperenggan *(b)* dan *(c)* dengan subsubperenggan yang berikut:
 - (b)* hendaklah membuat suatu nota pembatalan—
 - (i) dengan cara membuat suatu endorsan secara bersilang atas permukaan daftar strata sedia ada yang berkaitan; atau
 - (ii) apa-apa jenis endorsan dalam apa-apa hal keadaan yang endorsan secara bersilang atas permukaan daftar strata sedia ada yang berkaitan adalah mustahil,

yang bahawasanya hakmilik berkenaan telah ditukar ganti kepada dokumen hakmilik berkomputer;
 - (c)* hendaklah membatalkan dokumen hakmilik keluaran sedia ada dan menangkap imejnya untuk disimpan secara maya dalam pangkalan data tanah apabila dikemukakan kepadanya; dan”; dan
 - (B) dengan memasukkan selepas subsubperenggan *(c)* subsubperenggan yang berikut:
 - (d)* hendaklah memusnahkan dokumen hakmilik keluaran sedia ada yang telah dibatalkan.”;

- (e) dalam perenggan 11—
- (i) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “**sistem hakmilik strata elektronik**” dengan perkataan “**Sistem Pentadbiran Tanah Elektronik bagi Hakmilik Strata**” dan
 - (ii) dengan memotong perkataan “, bahawa sewa diperuntukkan kepada setiap petak atau blok sementara mengikut kelayakan unit syer,”;
- (f) dalam subperenggan 12(1), dengan memotong perkataan “atau dibetulkan”;
- (g) dengan menggantikan perenggan 13 dengan perenggan yang berikut:
- “Rekod Nota Pembedulan**
13. (1) Pendaftar hendaklah menyenggara Rekod Nota Pembedulan yang hendaklah mengandungi suatu perihalan ringkas tiap-tiap perkara yang dibetulkan yang termasuklah—
- (a) nombor perserahan yang diberikan oleh komputer berkenaan dengan pembedulan;
 - (b) tarikh dan masa pembedulan; dan
 - (c) perihalan lengkap pembedulan itu.
- (2) Rekod Nota Pembedulan di bawah perenggan ini hendaklah menjadi sebahagian daripada Rekod Nota Pembedulan di bawah perenggan 12 Jadual Keenam Belas Kanun.”;
- (h) dalam perenggan 15—
- (i) dengan menomborkan semula perenggan sedia ada sebagai subperenggan (1); dan

- (ii) dengan memasukkan selepas subperenggan (1) baharu subperenggan yang berikut:

“(2) Pendaftar boleh, berkenaan dengan dokumen yang dikehendaki di bawah seksyen 306 Kanun, menangkap imej dokumen itu untuk disimpan secara maya di dalam pangkalan data tanah.”; dan

- (i) dalam perenggan 18—

- (i) dengan menggantikan subsubperenggan (1)(b), (c) dan (d) dengan subsubperenggan yang berikut:

“(b) membatalkan rekod daftar strata berkomputer yang berkaitan;

(c) menangkap imej rekod daftar strata berkomputer yang berkaitan yang telah dibatalkan untuk disimpan secara maya dalam pangkalan data tanah; dan

(d) memusnahkan rekod daftar strata berkomputer yang berkaitan yang telah dibatalkan.”; dan

- (ii) dalam subperenggan (2), dengan memotong perkataan “selagi perbadanan pengurusan masih menjadi pemilik lot”.

Pindaan borang

3. Akta ibu dipinda—

- (a) dalam Jadual Pertama—

- (i) dengan menggantikan Borang 1 dengan Borang yang berikut:

“AKTA HAKMILIK STRATA 1985

BORANG 1

6

[Seksyen 9]

PERMOHONAN BAGI PECAH BAHAGI BANGUNAN,
BANGUNAN DAN TANAH, ATAU TANAH

Kepada Pentadbir Tanah, Daerah

Saya,
beralamat
pemilik tanah yang berikut:

*Bandar/Pekan/Mukim :
No. Lot :
Perihal dan No. Hakmilik :
Luas :

dengan ini memohon kelulusan bagi pecah bahagi—

- (a) *bangunan;
- (b) *bangunan dan tanah;
- (c) *tanah,

*berserta dengan pengeluaran hakmilik strata sementara bagi blok/blok-blok sementara.

2. Pecah bahagian tersebut adalah untuk dijadikan—

- (a) petak (jika ada);
- (b) petak tanah (jika ada);
- (c) petak aksesori (jika ada);
- (d) blok/blok-blok sementara (jika ada),

sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual yang dilampirkan.

3. Bangunan/bangunan-bangunan yang didirikan di atasnya, termasuk mana-mana blok sementara, digunakan bagi maksud yang berikut:

.....

4. Sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 9 Akta, kini saya kemukakan—

- (a) fi yang ditetapkan sebanyak RM
- (b) fi sebanyak RM sebagaimana yang diberitahu oleh Pengarah Ukur;
- (c) sijil cadangan pelan strata di bawah seksyen 8A Akta;
- (d) perakuan yang mengelaskan bangunan sebagai bangunan kos rendah (jika ada);
- (e) surat keizinan daripada setiap orang yang berikut yang keizinan secara bertulis mereka dikehendaki atas sebab-sebab tertentu sebagaimana yang dinyatakan dalam setiap surat tersebut:
 - (i)
 - (ii)
 - (iii)
- (f) nama perbadanan pengurusan yang dicadangkan di bawah seksyen 15 Akta;
- (g) dokumen hakmilik keluaran bagi lot tersebut;
- (h) salinan yang diperakui sah perakuan siap dan pematuhan atau sijil layak menduduki, mengikut mana-mana yang berkenaan, kecuali—

- (i) dalam hal di bawah perenggan 8(2)(a) Akta;
- (ii) apabila bangunan dikelaskan sebagai bangunan khas dan salinan yang diperakui sah perakuan siap dan pematuhan atau sijil layak menduduki tidak boleh didapati; atau
- (iii) dalam mana-mana hal keadaan lain yang Pentadbir Tanah berpuas hati bahawa salinan yang diperakui sah perakuan siap dan pematuhan atau sijil layak menduduki itu boleh dikecualikan; dan

(i) salinan yang diperakui sah jadual petak atau jadual petak yang dipinda, mengikut mana-mana yang berkenaan, kecuali dalam hal di bawah perenggan 8(2)(b) dan (d) Akta.

*5. Saya mengaku janji bahawa pembinaan setiap bangunan yang baginya suatu blok sementara berkaitan, akan disiapkan selewat-lewatnya pada tarikh yang berikut:

<i>Blok Sementara</i>	<i>Tarikh</i>	<i>Blok Sementara (petak tanah)</i>	<i>Tarikh</i>
P1	PL1
P2	PL2
<i>dsb.</i>		<i>dsb.</i>	

Bertarikh pada

.....
Tandatangan Pemilik Asal

Untuk Kegunaan Pejabat Sahaja

- A.** Kepada Pengarah Tanah dan Galian
- (1) Dokumen hakmilik keluaran disertakan.
 - (2) Cukai bagi tahun semasa dibayar.

Pentadbir Tanah:

- B.** Kepada Pengarah Ukur
Permohonan diluluskan.

Pengarah Tanah dan Galian:

(Hendaklah dilampirkan dalam seberapa banyak helaian yang perlu)

JADUAL PETAK DAN BLOK SEMENTARA (JIKA ADA)

<i>Bangunan/ Blok sementara/ Petak tanah</i>	<i>Senarai tingkat</i>	<i>Senarai petak/Petak tanah</i>	<i>Unit syer bagi setiap petak/Petak tanah/Blok sementara</i>	<i>Luas petak/Petak tanah/Blok sementara</i>
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)

<p>BANGUNAN/ BANGUNAN- BANGUNAN: Gunakan M1, M2, <i>dsb.</i> untuk menandakan bangunan siap.</p> <p>M1</p> <p>No. Tingkat</p> <p>Petak</p> <p>No. Tingkat</p> <p>Petak</p> <p>M2</p> <p>No. Tingkat</p> <p>Petak</p> <p>No. Tingkat</p> <p>Petak</p> <p><i>dsb.</i></p> <p>BLOK/ BLOK-BLOK SEMENTARA Gunakan P1, P2, <i>dsb.</i> untuk menandakan blok-blok sementara.</p> <p>P1 P2</p> <p>— — — —</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p><i>dsb.</i></p>				
<p>PETAK-PETAK TANAH Gunakan L1, L2, <i>dsb.</i> untuk menandakan petak-petak tanah.</p>				

L1-L [Nyatakan petak tanah pertama dan terakhir]	—	L
		L
BLOK/ BLOK-BLOK SEMENTARA (PETAK TANAH) Gunakan PL1, PL2, dsb. untuk menandakan blok-blok sementara (petak tanah).				
PL1	—	—
PL2	—	—
dsb.				
		Jumlah

SENARAI PETAK AKSESORI

+ Petak Aksesori	++Lokasi Petak Aksesori	Petak atau Blok Sementara yang Petak Aksesori itu Bersangkutan	Tujuan	Luas petak aksesori

* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

+ Bagi tujuan mengenal pasti petak aksesori, tambah huruf A kepada nombor petak aksesori.

++ Jika petak aksesori ditempatkan dalam suatu bangunan, tunjukkan lokasi itu dengan membuat rujukan kepada nombor bangunan dan nombor tingkatnya.

NOTA HURAIAN

Keizinan secara bertulis adalah dikehendaki daripada tiap-tiap orang atau badan yang berhak mendapat faedah daripada suatu pajakan keseluruhan atau mana-mana bahagian tanah selain bahagian yang betul-betul menepati, atau termasuk keseluruhannya dalam, salah satu daripada petak-petak yang dicadangkan.”;

(ii) dengan menggantikan Borang 2 dengan Borang yang berikut:

“AKTA HAKMILIK STRATA 1985

BORANG 2

[Seksyen 15]

INDEKS DAFTAR STRATA

Negeri :
 Daerah :
 *Bandar/Pekan/Mukim :
 No. Hakmilik :
 No. Lot :
 Luas :
 No. Rujukan Fail :
 Nama Perbadanan Pengurusan :
 Alamat Perbadanan Pengurusan :
 Alamat bagi Penyampaian Dokumen :
 No. Buku Daftar Strata :
 Memorial, Endorsan dan Catatan lain :

RINGKASAN KANDUNGAN

<i>Bangunan/Blok sementara/Petak tanah</i>	<i>Kegunaan</i>	<i>Bilangan petak</i>	<i>Unit syer/Unit syer sementara</i>
Bangunan/Bangunan-bangunan M1 M2
Blok/Blok-blok sementara P1 P2	— —
Petak Tanah L1 - L
Blok/Blok-blok sementara (Petak Tanah) PL1 PL2	— —
Jumlah	

Jumlah keseluruhan folio dalam pelan strata yang diperakui

INDEKS SECARA TERPERINCI

<i>No. muka surat bagi hakmilik petak/ Blok sementara/ Petak tanah</i>	<i>Bangunan/ Blok sementara/ Petak tanah</i>	<i>Senarai tingkat dan Pelan folio</i>	<i>Senarai petak/ Petak tanah</i>	<i>Luas petak/ Blok sementara/ Petak tanah</i>	<i>Unit syer bagi setiap petak/Blok sementara/Petak tanah</i>	<i>Cukai bagi setiap petak/Blok sementara/ Petak tanah (RM)</i>	<i>Catatan</i>
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)	(8)
	BANGUNAN/ BANGUNAN- BANGUNAN: [Gunakan M1, M2, dsb. untuk menandakan bangunan siap]	No. Tingkat (No. Pelan Folio) No. Tingkat (No. Pelan Folio) dsb.	Petak Petak Petak Petak Petak Jumlah kecil Jumlah kecil Jumlah kecil Jumlah kecil	
P1	BLOK/BLOK- BLOK SEMENTARA: [Gunakan P1, P2, dsb. untuk menandakan blok-blok sementara]	(No. Pelan	—		

	P2 <i>dsb.</i>	Folio) (No. Pelan Folio)	—	
				Jumlah kecil	Jumlah kecil	
	PETAK-PETAK TANAH: [Gunakan L1, L2, dsb. untuk menandakan petak tanah. Nyatakan petak tanah pertama dan terakhir]					
	L1 - L	(No. Pelan Folio)	L L	
	BLOK/BLOK- BLOK SEMENTARA (PETAK TANAH): [Gunakan PL1, PL2, dsb. untuk menandakan blok-blok sementara (petak tanah)]			Jumlah kecil	Jumlah kecil	
	PL1 ...	(No. Pelan Folio)	—	
	PL2 ...	(No. Pelan Folio	—	

	<i>dsb.</i>)			Jumlah kecil	Jumlah kecil	
Jumlah		

(Sambungan helaian boleh ditambah sebagaimana perlu)

SENARAI PETAK AKSESORI

<i>+ Petak Aksesori</i>	<i>++Lokasi Petak Aksesori</i>	<i>Petak atau Blok Sementara yang Petak Aksesori itu Bersangkutan</i>	<i>Tujuan</i>	<i>Luas petak aksesori</i>

- * *Potong mana-mana yang tidak berkenaan.*
- + *Bagi tujuan mengenal pasti petak aksesori, tambah huruf A kepada nombor petak aksesori.*
- ++ *Jika petak aksesori ditempatkan dalam suatu bangunan, tunjukkan lokasi itu dengan membuat rujukan kepada nombor bangunan dan nombor tingkatnya.”;*

(iii) dengan menggantikan Borang 4 dengan Borang yang berikut:

“AKTA HAKMILIK STRATA 1985

BORANG 4

[Seksyen 16]

HAKMILIK STRATA

NO. HAKMILIK	NO. BANGUNAN	NO. TINGKAT	NO. PETAK

Cukai :
 *Pegangan untuk selama-lamanya/Pajakan untuk tempoh,
 yang berakhir pada

Negeri :
 Daerah :
 *Bandar/Pekan/Mukim :
 No. Lot :
 Luas Petak :
 Petak Aksesori :
 Jumlah Luas Petak Aksesori :
 Unit Syer Petak :
 No. Pelan Strata yang Diperakui :
 No. Buku Daftar Strata :

*Di dalam Kawasan Rizab Melayu/Kawasan Orang Asli/Kawasan Rizab Orang Asli/Kawasan Penempatan Berkelompok/Lain-lain..... (Sila nyatakan)

No. Pemberitahuan Warta bertarikh

Petak dan petak aksesori (jika ada) yang tersebut di atas yang terletak di atas tanah ini adalah dipegang bagi tempoh hakmilik itu sepenuhnya oleh pemilik yang pada masa itu dinamakan dalam rekod ketuanpunyaan di dalamnya, tertakluk kepada peruntukan Akta, kepada peruntukan kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya dan terutama sekali kepada memorial, pengendorsan dan catatan lain. Apa-apa urusan niaga berhubung dengan hakmilik strata ini adalah tertakluk kepada sekatan dan syarat yang dinyatakan di dalamnya.

Menurut kuasa hakmilik ini, pemilik tersebut juga menikmati hak mengundi dalam perbadanan pengurusan yang berkadar dengan unit syer bagi petak ini sebagaimana yang dinyatakan, berhubung dengan keseluruhan jumlah unit syer.

Bertarikh pada

T.M.
Pendaftar

SYARAT NYATA

SEKATAN KEPENTINGAN

REKOD PERBADANAN PENGURUSAN

REKOD KETUANPUNYAAN

REKOD URUSAN

PERKARA LAIN YANG MELIBATKAN HAKMILIK

T.M.
Pendaftar

**Potong mana-mana yang tidak berkenaan*;*

(iv) dengan menggantikan Borang 4A dengan Borang yang berikut:

"AKTA HAKMILIK STRATA 1985

BORANG 4A

[Seksyen 16]

HAKMILIK STRATA SEMENTARA

URUSNIAGA YANG DILARANG

NO. HAKMILIK	NO. BLOK SEMENTARA

Cukai :

*Pegangan untuk selama-lamanya/Pajakan untuk tempoh
yang berakhir pada

Negeri :

Daerah :

*Bandar/Pekan/Mukim :

No. Lot :

Luas Petak :

Petak Aksesori :

Jumlah Luas Petak Aksesori :

Unit Syer Sementara :

No. Pelan Strata Yang Diperakui :

No. Buku Daftar Strata :

*Di dalam Kawasan Rizab Melayu/Kawasan Orang Asli/Kawasan Rizab Orang Asli/Kawasan Penempatan Berkelompok/Lain-lain (Sila nyatakan)

No. Pemberitahuan Warta bertarikh

Blok sementara yang tersebut di atas yang terletak di atas tanah ini adalah dipegang bagi tempoh hakmilik itu sepenuhnya oleh pemilik yang pada masa itu dinamakan dalam rekod ketuanpunyaan di dalamnya, tertakluk kepada peruntukan Akta, kepada peruntukan kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya dan terutama sekali kepada memorial, pengendorsan dan catatan lain.

Menurut kuasa hakmilik ini, pemilik tersebut juga menikmati hak mengundi dalam perbadanan pengurusan yang berkadar dengan unit-unit syer sementara bagi blok sementara ini sebagaimana yang dinyatakan, berhubung dengan keseluruhan jumlah unit syer.

Urus niaga berkenaan dengan hakmilik strata sementara ini atau apa-apa syer atau kepentingan di dalamnya adalah dilarang.

Bertarikh pada

T.M.
Pendaftar

SYARAT NYATA

SEKATAN KEPENTINGAN

REKOD PERBADANAN PENGURUSAN

REKOD KETUANPUNYAAN

PERKARA LAIN YANG MELIBATKAN HAKMILIK

T.M.
Pendaftar

** Potong mana-mana yang tidak berkenaan”;*

(v) dengan menggantikan Borang 5 dengan Borang yang berikut:

“AKTA HAKMILIK STRATA 1985

BORANG 5

[Seksyen 20B]

PERMOHONAN UNTUK PENGELUARAN HAKMILIK STRATA YANG BERASINGAN
BERKENAAN DENGAN HAKMILIK STRATA SEMENTARA

Kepada Pentadbir Tanah, Daerah

Saya,
beralamat
pemilik hakmilik strata sementara
di atas tanah yang dijadualkan di bawah ini, dengan ini memohon untuk pengeluaran hakmilik strata yang
berasingan bagi petak dan petak aksesori jika berkenaan sebagaimana yang
dinyatakan di dalam jadual yang dilampirkan.

2. Sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 20B Akta, kini saya kemukakan—

- (a) fi yang ditetapkan sebanyak RM
- (b) fi sebanyak RM sebagaimana yang diberitahu oleh Pengarah Ukur;
- (c) sijil cadangan pelan strata di bawah seksyen 20A Akta;
- (d) dokumen hakmilik keluaran bagi hakmilik strata sementara;
- (e) salinan yang diperakui sah perakuan siap dan pematuhan atau sijil layak menduduki, mengikut mana-mana yang berkenaan, kecuali—
 - (i) dalam hal di bawah perenggan 20(2)(a) Akta;
 - (ii) apabila bangunan dikelaskan sebagai bangunan khas dan salinan yang diperakui sah perakuan siap dan pematuhan atau sijil layak menduduki itu tidak boleh didapati; atau
 - (iii) dalam mana-mana hal lain yang Pentadbir Tanah berpuas hati bahawa salinan yang diperakui sah perakuan siap dan pematuhan atau sijil layak menduduki itu boleh dikecualikan; dan
- (f) salinan yang diperakui sah jadual petak atau jadual petak yang dipinda, mengikut mana-mana yang berkenaan, kecuali dalam hal di bawah perenggan 20(2)(b) dan (c) Akta.

Bertarikh pada

.....
Tandatangan Pemilik

JADUAL

Daerah
 *Bandar/Pekan/Mukim No. Lot
 Perihal dan No. Hakmilik

Untuk Kegunaan Pejabat Sahaja

- A.** Kepada Pengarah Tanah dan Galian
 Dokumen hakmilik keluaran bagi hakmilik strata sementara disertakan.

Pentadbir Tanah:

- B.** Kepada Pengarah Ukur
 Permohonan diluluskan.

Pengarah Tanah dan Galian:

**Potong mana-mana yang tidak berkenaan”;*

- (vi) dengan menggantikan Borang 6 dengan Borang yang berikut:

“AKTA HAKMILIK STRATA 1985

BORANG 6

[Seksyen 28]

PERMOHONAN UNTUK MEMECAH PETAK

Kepada Pentadbir Tanah, Daerah

Saya,
beralamat
pemilik petak
dalam bangunan atau tanah yang dipecah bahagi yang didirikan di atas tanah yang diadualkan di bawah ini, dengan ini memohon memecah petak tersebut kepada petak-petak baharu sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan yang dilampirkan tentang pecahan yang dicadangkan.

2. Sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 28 Akta, kini saya kemukakan—
- (a) fi yang ditetapkan sebanyak RM
 - (b) pelan pecahan yang dicadangkan bagi petak yang dinyatakan di atas, yang diperakui dengan sewajarnya oleh juruukur tanah, bersama-sama dengan salinannya;
 - (c) pernyataan tentang bilangan unit syer bagi petak baharu;
 - (d) surat keizinan daripada setiap orang yang berikut yang keizinan secara bertulis mereka dikehendaki atas sebab tertentu sebagaimana yang dinyatakan dalam setiap surat tersebut:
 - (i)
 - (ii)
 - (iii)
 - * (e) surat keizinan daripada perbadanan pengurusan dan kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkenaan mengenai pembuatan permohonan ini; dan
 - (f) dokumen hakmilik keluaran bagi petak atau petak-petak yang terlibat.

3. Saya dengan ini mengesahkan bahawa sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan yang dilampirkan, terdapatnya laluan yang memadai ke setiap petak baharu, dengan tidak melintasi petak lain.

Bertarikh pada

.....
Tandatangan Pemilik

JADUAL

Daerah
*Bandar/Pekan/Mukim No. Lot
Perihal dan No. Hakmilik

Untuk Kegunaan Pejabat Sahaja

- A.** Kepada Pengarah Tanah dan Galian
Dokumen hakmilik keluaran bagi petak yang terlibat disertakan.

Pentadbir Tanah:

- B.** Kepada Pengarah Ukur
Pecahan petak seperti di atas diluluskan.

Pengarah Tanah dan Galian:

**Potong mana-mana yang tidak berkenaan*;*

(vii) dengan menggantikan Borang 7 dengan Borang yang berikut:

"AKTA HAKMILIK STRATA 1985

BORANG 7

[Seksyen 28]

PERMOHONAN BAGI PENYATUAN PETAK

Kepada Pentadbir Tanah, Daerah

Saya,
beralamat
pemilik petak

dalam bangunan atau tanah yang dipecah bahagi atas tanah yang dijadualkan di bawah ini, dengan ini memohon untuk kelulusan penyatuan petak-petak itu menjadi satu petak tunggal sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan yang dilampirkan tentang penyatuan yang dicadangkan.

2. Sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 28 Akta, kini saya kemukakan—

- (a) fi yang ditetapkan sebanyak RM
- (b) pelan penyatuan yang dicadangkan bagi petak yang dinyatakan di atas, yang diperakui dengan sewajarnya oleh juruukur tanah, bersama-sama dengan salinannya;
- (c) pernyataan tentang bilangan unit syer bagi petak baharu;
- (d) surat keizinan daripada setiap orang yang berikut yang keizinan secara bertulis mereka dikehendaki atas sebab-sebab tertentu sebagaimana yang dinyatakan dalam setiap surat tersebut:
 - (i)
 - (ii)
 - (iii)
- * (e) surat keizinan daripada perbadanan pengurusan dan kelulusan pihak berkuasa yang berkaitan mengenai pembuatan permohonan ini; dan

(f) dokumen hakmilik keluaran bagi petak-petak yang terlibat.

3. Saya dengan ini mengesahkan bahawa sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan yang dilampirkan, terdapatnya laluan dalaman yang memadai ke petak baharu, dengan tidak melintasi harta bersama.

Bertarikh pada

.....
Tandatangan Pemilik

JADUAL

Daerah
*Bandar/Pekan/Mukim No. Lot
Perihal dan No. Hakmilik

Untuk Kegunaan Pejabat Sahaja

A. Kepada Pengarah Tanah dan Galian
Dokumen hakmilik keluaran bagi petak yang terlibat disertakan.

Pentadbir Tanah:

B. Kepada Pengarah Ukur
Penyatuan petak seperti di atas diluluskan.

Pengarah Tanah dan Galian:

**Potong mana-mana yang tidak berkenaan”;*

(viii) dengan menggantikan Borang 8 dengan Borang yang berikut:

“AKTA HAKMILIK STRATA 1985

BORANG 8

[Seksyen 57]

PEMBERITAHUAN MENGENAI CADANGAN PENAMATAN PECAH BAHAGIAN
BANGUNAN ATAU TANAH YANG DIPECAH BAHAGI

Kepada Pendaftar, Negeri.....

Ambil perhatian bahawa

 sebagai perbadanan pengurusan bagi bangunan atau tanah yang dipecah bahagi yang didirikan di atas tanah yang berikut:

*Bandar/Pekan/Mukim No. Lot
 Perihal dan No. Hakmilik Luas

*telah diarahkan melalui ketetapan sebulat suara untuk/sebagai seorang pemilik untuk mengambil tindakan menamatkan pecah bahagian itu.

2. Sebagaimana yang dikehendaki oleh subseksyen 57(1) Akta, pemberitahuan ini disertakan dengan dokumen hakmilik keluaran bagi tanah yang tersebut di atas dan petak-petak yang terkandung dalam bangunan atau tanah yang dipecah bahagi */dan bagi blok sementara.

Meterai Biasa perbadanan pengurusan diturunkan di bawah ini pada
 di hadapan—

*T.M.

.....
 *Anggota Majlis/Pemilik

** Potong mana-mana yang tidak berkenaan”;*

(ix) dengan menggantikan Borang 10 dengan Borang yang berikut:

“AKTA HAKMILIK STRATA 1985

BORANG 10

[Seksyen 8A dan 20A]

PERMOHONAN BAGI SIJIL CADANGAN PELAN STRATA

Kepada Pengarah Ukur,

Saya,
 beralamat
 pemilik bagi tanah yang berikut:

Daerah :
 *Bandar/Pekan/Mukim :
 No. Lot :
 Perihal dan No. Hakmilik :

Luas :

dengan ini memohon bagi sijil cadangan pelan strata untuk permohonan bagi pecah bahagian di bawah seksyen 9 atau 20B Akta bagi—

- (a) *bangunan;
- (b) *bangunan dan tanah;
- (c) *tanah;

*berserta dengan pengeluaran hakmilik strata sementara bagi blok/blok-blok sementara.

2. Pecah bahagian tersebut adalah untuk dijadikan—

- (a) petak (jika ada);
- (b) petak tanah (jika ada);
- (c) petak aksesori (jika ada);
- (d) blok/blok-blok sementara (jika ada),

sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual yang dilampirkan.

3. Sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 8A atau 20A Akta, mengikut mana-mana yang berkenaan, kini saya kemukakan—

- (a) fi yang ditetapkan sebanyak RM.....;
- (b) salinan asal pelan/pelan-pelan bangunan yang diluluskan bagi setiap bangunan yang hendak dipecah bahagi atau pelan yang dikehendaki di bawah perenggan 8A(1)(c) atau 20A(1)(c) Akta *dan bangunan/bangunan-bangunan yang hendak dipecah bahagi yang berkaitan dengan petak tanah, *dan untuk bangunan/bangunan-bangunan yang berkaitan dengan blok/blok-blok sementara;
- (c) pelan strata yang dicadangkan yang diperakui oleh juruukur tanah di bawah perenggan 8A(1)(d) atau 20A(1)(d) Akta;
- (d) perakuan oleh Arkitek Profesional atau Jurutera Profesional di bawah perenggan 8A(1)(e) atau 20A(1)(e) Akta;
- (e) salinan yang diperakui sah bagi *hakmilik tetap bagi lot tersebut/hakmilik strata sementara;
- (f) salinan yang diperakui sah dokumen yang memperakukan peringkat struktur utama, jika berkenaan;
- (g) salinan yang diperakui sah perakuan siap dan pematuhan atau sijil layak menduduki, jika berkenaan; dan
- (h) salinan yang diperakui sah jadual petak atau jadual petak yang dipinda yang difailkan dengan Pesuruhjaya, jika berkenaan.

4. Saya mengaku janji bahawa—

- (a) semua dokumen yang disertakan adalah lengkap dan telah memenuhi kehendak Akta;
- (b) lot tersebut telah diukur semula sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan no. yang diperakui (jika berkenaan); dan
- (c) semua bayaran kepada agensi yang berkaitan akan dibayar.

Bertarikh pada.....

.....
Tandatangan Pemilik Asal

**Potong mana-mana yang tidak berkenaan*

(Hendaklah dilampirkan dalam seberapa banyak helaian yang perlu)

JADUAL PETAK DAN BLOK SEMENTARA (JIKA ADA)

<i>Bangunan/ Blok sementara/Petak tanah</i>	<i>Senarai tingkat</i>	<i>Senarai petak/ Petak tanah</i>	<i>Luas setiap petak/Blok sementara/Petak tanah</i>
(1)	(2)	(3)	(4)
BANGUNAN/ BANGUNAN- BANGUNAN Gunakan M1, M2, <i>dsb.</i> untuk menandakan bangunan siap			
M1	No. Tingkat	Petak Petak Petak
	No. Tingkat	Petak Petak Petak
M2	No. Tingkat	Petak Petak Petak
	No. Tingkat	Petak Petak Petak
<i>dsb.</i>			
BLOK/BLOK-BLOK SEMENTARA Gunakan P1, P2, <i>dsb.</i> untuk menandakan blok-blok sementara.			
P1	—	—
P2	—	—
<i>dsb.</i>			
PETAK-PETAK TANAH			

Gunakan L1, L2, <i>dsb.</i> untuk menandakan petak-petak tanah.			
L1-L	—	L
[Nyatakan petak tanah pertama dan terakhir]		L
		L
BLOK/BLOK-BLOK SEMENTARA (PETAK TANAH)			
Gunakan PL1, PL2, <i>dsb.</i> untuk menandakan blok-blok sementara (petak tanah).			
PL1	—	—
PL2	—	—
<i>dsb.</i>			
		JUMLAH

SENARAI PETAK AKSESORI

<i>+Petak Aksesori</i>	<i>++Lokasi Petak Aksesori</i>	<i>Petak atau Blok Sementara yang Petak Aksesori itu Bersangkutan</i>	<i>Tujuan</i>	<i>Luas Petak Aksesori</i>

* *Potong mana-mana yang tidak berkenaan.*

+ *Bagi tujuan mengenal pasti petak aksesori, tambah huruf A kepada nombor petak aksesori.*

++ *Jika petak aksesori ditempatkan dalam suatu bangunan, tunjukkan lokasi itu dengan membuat rujukan kepada nombor bangunan dan nombor tingkatnya.”; dan*

(x) dengan memasukkan selepas Borang 10 Borang yang berikut:

“AKTA HAKMILIK STRATA 1985

Borang 11

25

[Seksyen 23E]

NOTIS TUNTUTAN: TUNGGAKAN CUKAI

Kepada
yang beralamat di
pemilik *petak/blok sementara yang diperihalkan dalam ruang (3) Jadual di bawah.

Bahawasanya cukai yang dikenakan bagi *petak/blok sementara yang tersebut dan yang kena dibayar berkenaan dengan tahun semasa tidak dibayar dan, mulai dari 1hb Jun, adalah dalam tunggakan.

Tuan/puan dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh penyampaian notis ini, membayar *di Pejabat Tanah dalam daerah ini/di semua jumlah wang yang kini tertunggak sebagaimana yang tercatat dalam ruang (4) hingga ruang (7) Jadual dan yang dijumlahkan dalam ruang (8).

Dan ambil perhatian bahawa, jika *jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan dalam ruang (8) tidak dibayar sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan tersebut, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa yang diberikan oleh seksyen 23H Akta, hendaklah melalui perintah mengisytiharkan *petak/blok sementara yang berkenaan itu dirampas oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Bertarikh pada

Pentadbir Tanah.....

Daerah

JADUAL *PETAK/BLOK SEMENTARA DAN TUNGGAKAN

<i>No. Hakmilik (Hakmilik lot) (1)</i>	<i>No. Lot (2)</i>	<i>Perihal Hakmilik (Hakmilik Strata) (3)</i>	<i>Cukai tahun semasa (4)</i>	<i>Tunggakan dari tahun yang terdahulu (5)</i>	<i>Fi, dsb., yang dikenakan sebagai cukai (6)</i>	<i>Tunggakan fi/fi-fi (7)</i>	<i>Jumlah kena dibayar (8)</i>

TAMBAHAN

Kepada.....
yang beralamat di

*Pemegang gadaian/Penerima pajak/Penerima pajak kecil/Penyewa/ Pemegang lien/Pengkaveat/
Pemegang ismen.

Sekiranya tuan/puan ada sebab untuk mempercayai bahawa pemilik bagi *petak/blok sementara yang dijadualkan di atas yang ke atasnya tuan/puan mempunyai atau menuntut suatu kepentingan akan mungkir daripada membayar jumlah wang yang sekarang ini ditetapkan sebagai tertunggak berkenaan dengannya, maka tuan/puan boleh mengelakkan perampasan *petak/blok sementara itu dengan membayar sepenuhnya kepada Pentadbir Tanah, dalam tempoh yang dinyatakan itu, jumlah wang yang dinyatakan berkenaan dengan *petak/blok sementara itu.

Dan ambil perhatian bahawa (tanpa menjejaskan apa-apa hak di bawah seksyen itu untuk menyaman pemilik itu secara terus) hak-hak istimewa bagi mendapatkan balik bayaran yang berikut wujud menurut kuasa seksyen 23F Akta:

- (a) apa-apa wang yang dibayar oleh pemegang gadaian hendaklah ditambahkan kepada bayaran yang pertama yang kena dibayar kemudian daripadanya atas gadaian itu;
- (b) apa-apa wang yang dibayar oleh penerima pajak, penerima pajak kecil atau penyewa boleh didapatkan semula dengan memotong jumlah wang itu daripada apa-apa sewa yang kena dibayar olehnya pada masa itu atau kemudian daripadanya kepada pemilik atau kepada orang lain yang daripadanya *petak/blok sementara itu dipegang; dan
- (c) mana-mana penerima pajak, penerima pajak kecil atau penyewa yang menanggung apa-apa tanggungan tambahan atau yang menanggung apa-apa potongan di bawah seksyen 23F Akta boleh mendapatkan semula amaun tanggungan atau potongan itu dengan membuat potongan yang bersamaan dengan amaun jumlah sewa yang kena dibayar olehnya.

Bertarikh pada

Pentadbir Tanah
Daerah.....

Nota— Sesalinan dihantar kepada Perbadanan Pengurusan

**Potong mana-mana yang tidak berkenaan.*

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

Borang 12

[Seksyen 23L]

NOTIS PERKEMBALIAN KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya, menurut peruntukan seksyen 23L Akta, *petak/blok sementara yang dijadualkan di bawah ini telah dengan perintah diisytiharkan dirampas menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

Notis dengan ini diberikan bahawa perampasan itu berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa, berbangkit daripada perlucuthakan atas nama penerima pindahan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa kepentingan atas hakmilik itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dihapuskan; dan
- (b) dokumen hakmilik keluaran bagi *petak/blok sementara itu adalah tidak sah dan boleh ditahan oleh Kerajaan.

Bertarikh pada.....

Pentadbir Tanah.....
Daerah.....

JADUAL *PETAK/BLOK SEMENTARA YANG DIRAMPAS

<i>Bandar/Pekan atau Mukim</i>	<i>No. Hakmilik</i>	<i>No. Lot</i>	<i>Perihal hakmilik (Hakmilik Strata)</i>	<i>Unit Syer</i>

Bertarikh pada.....

Pentadbir Tanah
Daerah

Nota— Sesalinan dihantar kepada Perbadanan Pengurusan

**Potong mana-mana yang tidak berkenaan”; dan*

(b) dalam Jadual Keenam—

(i) dengan menggantikan Borang 2e dengan Borang yang berikut:

“AKTA HAKMILIK STRATA 1985

BORANG 2e

[Jadual Keenam]

INDEKS DAFTAR STRATA

Negeri :
 Daerah :
 Bandar/Pekan/Mukim :
 No. Hakmilik :
 No. Lot :
 Luas :
 No. Rujukan Fail :
 Nama Perbadanan Pengurusan :
 Alamat Perbadanan Pengurusan :
 Alamat bagi Penyampaian Dokumen :
 No. Rekod Daftar Strata Berkomputer :
 Memorial, Endorsan dan Catatan-catatan lain :

RINGKASAN KANDUNGAN

<i>Bangunan/Blok sementara/Petak tanah</i>	<i>Tujuan</i>	<i>No. petak</i>	<i>Unit syer/Unit syer sementara</i>
Bangunan/Bangunan-Bangunan			
M1
M2
Blok/Blok-blok Sementara			
P1	—
P2	—
Petak Tanah			
L1 - L
Blok/Blok-blok Sementara (Petak Tanah)			
PL1	—
PL2	—
Jumlah	

Jumlah keseluruhan folio dalam pelan strata yang diperakui

ID Hakmilik :
 Tarikh :
 No. Versi :
 Muka surat :

INDEKS SECARA TERPERINCI

<i>No. muka surat bagi hakmilik petak/ Blok sementara/ Petak tanah</i>	<i>Bangunan/ Blok sementara/ Petak tanah</i>	<i>Senarai tingkat dan pelan folio</i>	<i>Senarai petak/ Petak tanah</i>	<i>Luas petak/ Blok sementara / Petak tanah</i>	<i>Unit syer bagi setiap petak/ Blok sementara/ Petak tanah</i>	<i>Cukai bagi setiap petak/ Blok sementara/ Petak tanah (RM)</i>	<i>Catatan</i>
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)	(8)
	BANGUNAN/ BANGUNAN- BANGUNAN: [Gunakan M1, M2, dsb. untuk menandakan bangunan siap]						
	M1	No. Tingkat (No. Pelan Folio)	Petak Petak Petak Jumlah kecil Jumlah kecil	
	M2	No. Tingkat (No. Pelan Folio)	Petak Petak Petak Jumlah kecil Jumlah kecil	
	<i>dsb.</i>						
	BLOK/BLOK- BLOK SEMENTARA: [Gunakan P1, P2, dsb. untuk menandakan blok-blok sementara]						
	P1... ..	(No. Pelan Folio)	—		

P2	(No. Pelan Folio)	—
<i>dsb.</i>				
			Jumlah kecil	Jumlah kecil
		
PETAK- PETAK TANAH: [Gunakan L1, L2, <i>dsb.</i> untuk menandakan petak tanah. Nyatakan petak pertama dan petak terakhir]				
L1 – L	(No. Pelan Folio)	L L
			Jumlah kecil	Jumlah kecil
		
BLOK/BLOK- BLOK SEMENTARA (PETAK TANAH): [Gunakan PL1, PL2, <i>dsb.</i> untuk menunjukkan blok sementara (petak tanah)]				
PL1... ..	(No. Pelan Folio)	—
PL2... ..	(No. Pelan Folio)	—
<i>dsb.</i>				
			Jumlah kecil	Jumlah kecil

					
Jumlah			

(sambungan helaian boleh ditambah sebagaimana perlu)

SENARAI PETAK AKSESORI

<i>+ Petak Aksesori</i>	<i>++ Lokasi Petak Aksesori</i>	<i>Petak atau Blok Sementara yang Petak Aksesori itu Bersangkutan</i>	<i>Tujuan</i>	<i>Luas Petak Aksesori</i>

- + *Bagi tujuan mengenal pasti petak aksesori, tambah huruf A kepada nombor petak aksesori.*
- ++ *Jika petak aksesori terletak dalam suatu bangunan, tunjukkan lokasi itu dengan membuat rujukan kepada nombor bangunan dan nombor tingkatnya.*

ID Hakmilik :

Tarikh :

No.Versi :

Muka surat :”;

(ii) dengan menggantikan Borang 4e dengan Borang yang berikut:

“* DHDK/DHKK

[Kod Bar]

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

BORANG 4e

[Jadual Keenam]

HAKMILIK STRATA

NO. HAKMILIK	NO. BANGUNAN	NO. TINGKAT	NO. PETAK
--------------	--------------	-------------	-----------

Cukai :

*Pegangan untuk selama-lamanya/Pajakan untuk tempoh
yang berakhir pada

Negeri :

Daerah :

Bandar/Pekan/Mukim :

No. Lot :

Luas Petak :

Petak Aksesori :

Jumlah Luas Petak Aksesori :

Unit Syer Petak :

No. Pelan Strata Yang Diperakui :

No. Rekod Daftar Strata Berkomputer :

*Di dalam Kawasan Rizab Melayu/Kawasan Orang Asli/Kawasan Rizab Orang Asli/Kawasan Penempatan Berkelompok/Lain-lain (Sila nyatakan)

No. Pemberitahuan Warta bertarikh

Petak dan petak aksesori (jika ada) yang tersebut di atas yang terletak di atas tanah ini adalah dipegang bagi tempoh hakmilik itu sepenuhnya oleh pemilik yang pada masa itu dinamakan dalam rekod ketuanpunyaan di dalamnya, tertakluk kepada Akta, kepada peruntukan kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya dan terutama sekali kepada memorial, pengendorsan dan catatan-catatan lain. Apa-apa urusan niaga berhubung dengan hakmilik strata ini adalah tertakluk kepada sekatan dan syarat yang dinyatakan di dalamnya.

Menurut kuasa hakmilik ini, pemilik tersebut juga menikmati hak mengundi dalam perbadanan pengurusan yang berkadar dengan unit-unit syer bagi petak ini sebagaimana yang dinyatakan, berhubung dengan jumlah unit syer.

Bertarikh pada

.....
Tandatangan Digital

Pelan bagi petak dan petak aksesori (jika ada), bagi tujuan pengenalpastian, dilampirkan pada Borang Se.

SYARAT NYATA

SEKATAN KEPENTINGAN

REKOD PERBADANAN PENGURUSAN

REKOD KETUANPUNYAAN
REKOD URUSAN
PERKARA LAIN YANG MELIBATKAN HAKMILIK

.....
Tandatangan Digital

**Masukkan sebagaimana yang bersesuaian*

ID Hakmilik :
Tarikh :
No. Versi :
Muka surat :”;

(iii) dengan menggantikan Borang 4Ae dengan Borang yang berikut:

“* DHDK/DHKK

[Kod Bar]

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

BORANG 4Ae

[Jadual Keenam]

HAKMILIK STRATA SEMENTARA

URUS NIAGA YANG DILARANG

NO. HAKMILIK	NO. BLOK SEMENTARA

Cukai :
*Pegangan untuk selama-lamanya/Pajakan untuk tempoh
yang berakhir pada
Negeri :
Daerah :
Bandar/Pekan/Mukim :
No. Lot :

Luas Petak :
 Petak Aksesori :
 Jumlah Luas Petak Aksesori :
 Unit Syer Sementara :
 No. Pelan Strata Yang Diperakui :
 No. Rekod Daftar Strata Berkomputer :

*Di dalam Kawasan Rizab Melayu/Kawasan Orang Asli/Kawasan Rizab Orang Asli/Kawasan Penempatan Berkelompok/Lain-lain (Sila nyatakan)

No. Pemberitahuan Warta bertarikh

Blok sementara yang tersebut di atas yang terletak di atas tanah ini adalah dipegang bagi tempoh hakmilik itu sepenuhnya oleh pemilik yang pada masa itu dinamakan dalam rekod ketuanpunyaan di dalamnya, tertakluk kepada Akta, kepada peruntukan kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya dan terutama sekali kepada memorial, pengendorsan dan catatan-catatan lain.

Menurut kuasa hakmilik ini, pemilik tersebut juga menikmati hak mengundi dalam perbadanan pengurusan yang berkadar dengan unit syer bagi blok sementara itu.

Urus niaga berkenaan dengan hakmilik strata sementara ini atau apa-apa syer atau kepentingan di dalamnya adalah dilarang.

Bertarikh pada

.....
Tandatangan Digital

Pelan bagi blok sementara, bagi tujuan pengenalpastian, dilampirkan pada Borang Se.

SYARAT NYATA

SEKATAN KEPENTINGAN

REKOD PERBADANAN PENGURUSAN

REKOD KETUANPUNYAAN

PERKARA LAIN YANG MELIBATKAN HAKMILIK

.....
Tandatangan Digital

**Masukkan sebagaimana yang bersesuaian*

ID Hakmilik :

Tarikh :
 No. Versi :
 Muka surat :”; dan

(iv) dengan menggantikan Borang Se dengan Borang yang berikut:

“AKTA HAKMILIK STRATA 1985

BORANG Se

[Jadual Keenam]

PELAN HAKMILIK STRATA

Saya memperakui bahawa pelan yang dilampirkan di sini adalah salinan benar pelan strata yang diperakui yang dikesilkan bagi *petak/blok sementara di atas tanah ini; dan telah disahkan dengan sempurna di bawah tandatangan digital Pendaftar.

*No. Petak/Blok Sementara :
 ** No. Petak Aksesori :
 Negeri :
 Daerah :
 Bandar/Pekan/Mukim :
 No. Hakmilik Tanah :
 No. Lot :
 No. Helaian :
 No. Pelan Strata Yang Diperakui :
 No. Rekod Daftar Strata Berkomputer :

Bertarikh pada

.....
Tandatangan Digital

**Masukkan sebagaimana yang bersesuaian
 **Masukkan jika ada*

Pelan yang ditunjukkan mungkin tidak mengikut skala sebenar”.

Dibuat 21 Disember 2016
[JKPTG-910/100-1/1/6-1; PN(PU2)433/VI]

DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR
Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar

STRATA TITLES ACT 1985

STRATA TITLES (AMENDMENT OF SCHEDULE AND FORMS) ORDER 2016

IN exercise of the powers conferred by subsection 4B(4) and section 84 of the Strata Titles Act 1985 [*Act 318*], the Minister, with the approval of the National Land Council, makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Strata Titles (Amendment of Schedule and Forms) Order 2016**.

(2) This Order comes into operation on 1 January 2017.

Amendment of Sixth Schedule

2. The Strata Titles Act 1985 [*Act 318*], which is referred to as the “principal Act” in this Order, is amended in the Sixth Schedule—

